

Newspaper	Berita Harian
Date	15/1/2013

# Hak demokrasi, keselamatan perlu seimbang

BH-15/1/2013

## PDRM berjaya laksana transformasi



**SHAMRAHAYU A AZIZ**

**Penulis**  
ialah Prof Madya Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim UIAM

Suasana kondusif untuk menuntut hak asasi di negara ini begitu menyerlah berikutan program transformasi negara. Walau apa pun label yang diberikan, sama ada transformasi politik atau transformasi undang-undang, yang pasti pergerakan ke arah membuka ruang lingkup hak asasi begitu meluas. Suasana dinamik dari segi undang-undang dapat kita saksikan dengan pemansuhan beberapa undang-undang yang dilihat tidak menghormati hak asasi.

Pengalaman perhimpunan Sabtu lalu menunjukkan kesediaan pihak berkuasa, terutama Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menyahut perubahan warna demokrasi yang dimahukan sebahagian masyarakat. Terlebih dulu saya menyakini kebolehan PDRM dalam mengadaptasi apa juga perubahan undang-undang.

Kita maklum dalam suasana hak asasi menjadi kondusif menerusi program transformasi yang dilaksanakan pimpinan negara, PDRM juga sentiasa bersedia melaksanakan tanggungjawab sejajar dengan perubahan yang berlaku walaupun ada beberapa ruang yang terhad. Walau apa pun yang kita lihat ketika perhimpunan itu berlangsung, saya pasti PDRM sudah banyak melakukan tindakan proaktif untuk menangani kemungkinan demi keselamatan dan reputasi negara serta kepentingan umum lain.

### Kebebasan dan keselamatan

Perhimpunan itu juga boleh dijadikan pengalaman kepada PDRM dalam pelaksanaan dua tugas utama, iaitu memelihara keamanan dan juga mencegah serta mengesan jenayah. Dalam erti kata lain, secara umumnya PDRM sudah berjaya memastikan mereka yang taat kepada undang-undang berada dalam keadaan aman dan selamat.

Dalam keadaan ini, perkara yang seterusnya perlu diberi penilaian ialah kesediaan masyarakat terhadap perubahan warna demokrasi di negara ini. Seperti dinyatakan dalam beberapa tulisan terdahulu, seruan ke arah keseimbangan antara kehendak dan kebolehan perlu disebar luas. Keseimbangan antara kebebasan dan keselamatan hendaklah sentiasa diberi perhatian dan mestilah dipastikan pada setiap waktu.

Masyarakat berkehendakkan kebebasan mereka. Kebebasan bukan berhenti setakat itu saja. Dalam melaksanakan kebebasan itu, kita juga hendaklah memastikan bahawa kebebasan itu mampu dilaksanakan sebaik mungkin dengan memberikan keyakinan kebebasan orang lain juga terjamin.

Pelaksanaan kebebasan itu juga hendaklah disertai dengan keyakinan bahawa reputasi dan kedudukan negara berada di tempat paling atas. Saya pasti tiada antara

kita mahu dunia memandang serong kepada negara kita.

### Menuntut kebijaksanaan

Kemampuan dalam melaksanakan kebebasan itu menuntut kebijaksanaan semua pihak terbabit. Dalam memastikan keseimbangan yang tepat, kita memerlukan komitmen pihak terbabit. Ia bukan hanya menuntut perubahan dalam strategi atau tindakan kepolisan yang dilaksanakan PDRM. Tetapi ia juga menuntut komitmen yang tinggi daripada pihak penganjur dan juga peserta.

Penganjur dan peserta hendaklah mematuhi undang-undang sedia ada dengan sepenuh hati. Penganjuran yang baik akan membuahkan hasil yang baik. Sikap penganjur yang bertanggungjawab dengan mematuhi syarat yang ditetapkan undang-undang sudah tentu memberi sumbangan besar. Sikap penganjur yang menghormati pihak berkuasa juga menjadikan sesebuah perhimpunan itu berjaya dari segi prosedur penganjurannya.

Saya tidak bermaksud menyatakan perhimpunan itu berjaya dari segi maksud atau tujuan penganjurannya. Saya masih ragu-ragu dengan beberapa perkara berkaitan tujuan perhimpunan itu. Tetapi apa yang saya mahu tegaskan di sini ialah, dari segi prosedur, penganjuran dan pengendalian perhimpunan itu memenuhi sebahagian besar kehendak undang-undang walaupun sebahagian syarat seperti penyertaan kanak-kanak tidak dipatuhi.

### Belum jadi penanda aras

Walaupun pelanggaran syarat berkaitan peserta yang membawa kanak-kanak itu dianggap kecil oleh sesetengah pihak, kita harus melihat isu itu dengan lebih terperinci. Kita perlu menilai tujuan undang-undang yang meletakkan syarat itu. Kepentingan keselamatan kanak-kanak menjadi perkiraan utama. Perhimpunan sebegini tidak sama dengan perhimpunan menyambut tahun baru atau seumpamanya. Walaupun keadaan beresak, sentimen tujuan perhimpunan adalah berbeza.

Mungkin ada yang mahu menjadikan perhimpunan Sabtu lalu sebagai penanda aras kepada kebijaksanaan masyarakat dalam mengendalikan kebebasan mereka berteraskan undang-undang yang ada. Namun, pada pengamatan saya, dari segi kepatuhan kepada undang-undang, ia belum lagi satu penanda aras.



**E-mel**  
Anda boleh berkongsi pendapat di [rencanabh@bharian.com.my](mailto:rencanabh@bharian.com.my)

### SIDANG REDAKSI

Pengarang Urusan Kumpulan NSTP  
Datuk Abdul Jalil Hamid  
[jalil@nstp.com.my](mailto:jalil@nstp.com.my)

Pengarang Kumpulan BH  
Datuk Mior Kamarul Shahid  
[mkamarul@nstp.com.my](mailto:mkamarul@nstp.com.my)

Timbalan Pengarang Kumpulan BH  
Mahfar Ali  
[mahfar@bharian.com.my](mailto:mahfar@bharian.com.my)

Pengarang Eksekutif Berita Norhayati Md Said  
[yatisaid@bharian.com.my](mailto:yatisaid@bharian.com.my)

Pengarang Eksekutif Rencana Zainor Said  
[zaino@bharian.com.my](mailto:zaino@bharian.com.my)

Pengarang Eksekutif Pengeluaran Badrulhisham Othman  
[baneta@bharian.com.my](mailto:baneta@bharian.com.my)

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-300-22-6787  
Faks: 03 20567081  
Laman Web:  
[www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)  
E-mel:  
[bh@bharian.com.my](mailto:bh@bharian.com.my)